

KAJIAN PRODUK PERMAINAN TERHADAP PROSES
PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

AZRIN BIN MOHAMAD © MD NOR

96335273

FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA
JABATAN SENIREKA PERINDUSTRIAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM

Sekalung Penghargaan

Alhamdulillah dan bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat kurnia dan limpah rahmat_Nya maka dapat saya menyiapkan semua tugasan ini dengan seadanya. Dalam saya menyiapkan tugasan ini ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih saya yang tak terhingga kepada penasihat saya iaitu Pn.Wan Zawiyah yang telah bertungkus-lumus memberikan tunjuk ajar kepada saya. Beliau telah banyak membantu saya tanpa mengenal penat lelah dan ketika.

Kesempatan ini juga ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih saya kepada Dr.Wan.Asma Wan Ismail dari Jabatan Paediatrik Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia kerana telah sudi meluangkan masa untuk membantu saya mendapatkan maklumat bagi kajian yang sedang saya jalankan ini.

Abstrak

Tujuan kajian yang saya jalankan ini ialah untuk mengkaji sejauh manakah berkesannya alat permainan keatas perkembangan minda kanak-kanak.

Disini saya telah membuat satu skop kajian iaitu kajian saya meliputi kanak-kanak dari usia 1 bulan hingga ke 12 bulan. Untuk memperolehi semua maklumat yang diperlukan ini saya telah mengadakan kajian di sebuah pusat penjagaan kanak-kanak di USM kubang Kerian , Kelantan. Saya telah membuat kajian tentang aktiviti kanak-kanak di pusat ini selama seminggu. dari situ banyak maklumat yang membantu telah saya perolehi.

BAB 1: Pengenalan Kajian

| | | |
|-----|---|----|
| 1.0 | Pengenalan | 1 |
| 1.1 | Kenyataan Masalah | 4 |
| 1.2 | Kepentingan Kajian | 6 |
| 1.3 | Kawasan Kajian | 8 |
| 1.4 | Tujuan Kajian | 9 |
| 1.5 | Objektif Kajian | 11 |
| 1.6 | Skop Kajian | 12 |
| 1.7 | Methodologi kajian | 13 |
| | 1.7.1 Peringkat 1-Pengenalan kajian | 14 |
| | 1.7.2 Peringkat 2-Kajian Ilmiah | 15 |
| | 1.7.3 Peringkat 3-Kajian Tapak | 16 |
| | 1.7.4 Peringkat 4-Penganalisaan Maklumat | 17 |
| | 1.7.5 Peringkat 5-Rumusan dan Cadangan | 18 |
| 1.8 | Kesimpulan | 18 |

BAB 1

Pengenalan Kajian

1.0 Pengenalan

Seperti yang di ketahui anak-anak adalah hadiah yang paling berharga dari Allah kepada kita. Setiap pasangan yang berkahwin pasti akan menginginkan zuriat bagi menyambung hirarki keluarga mereka. Setiap ibubapa pasti menginginkan anak-anak yang sihat dan bijak, tetapi tidak semua anak-anak yang dilahirkan telah bersifat semulajadi bijak. Ia memerlukan proses pembelajaran bagi menjadi sebegitu.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa faktor keturunan adalah antara faktor penting bagi menentukan tahap kecerdikan anak-anak kita, tetapi jika dilihat daripada ayat Al-quran yang diturunkan oleh Allah, Ia ada menyatakan bahawa setiap umat manusia yang dilahirkan di muka bumi ini adalah sama sahaja. Maka jika kita berpegang daripada itulah maka pengarang dapat mendapati bahawa faktor yang paling penting sekali bagi